

# Rangka program hapus tanaman dadah — PM

15 MAR 1988

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia meminta semua negara pengeluar dadah mempercepatkan usaha menghapuskan tanaman itu dengan menggantikannya dengan tanaman lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga meminta negara maju seperti Amerika Syarikat memastikan bantuan kewangan hanya diberi kepada negara yang benar-benar bersungguh-sungguh menghapuskan tanaman dadah seperti popi, koka dan ganja.

Beliau, yang juga pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pedaran Dadah (ICDAIT) di Vienna Jun tahun lalu, mencadangkan supaya dibentuk Pasukan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk merangka program menghapuskan tanaman popi, koka dan ganja.

"Pasukan ini boleh bekerjasama dengan negara pengeluar utama dadah bagi merangka langkah lebih menyeluruh untuk menghapuskan tanaman itu di samping membantunya memperketatkan undang-undang dadah dan menggalakkan penanaman tanaman gantian bagi kawasan yang dahulunya ditanami popi, koka dan ganja," katanya dalam ucapannya di perasmian Persidangan Dadah Rantau Asia Timur dan Pasifik di sini hari ini.

Ucapannya dibacakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub.

## Oleh SAODAH ELIAS

Datuk Seri Dr Mahathir berkata hanya melalui keazaman dan kerjasama semua negara terbabit bagi menghapuskan tanaman itu di negara masing-masing sahaja masyarakat dunia akan dapat dibebaskan daripada bahaya dan cengkaman dadah.

Beliau meminta negara yang menghadapi masalah penyalahgunaan, pedaran dan penanaman tumbuhan sumber dadah supaya mengambil tindakan tegas dan berkesan terhadap "tauke" dadah.

## Berkesan

"Kita mesti bertindak tegas dan segera menghapuskan apa juga bentuk perlindungan kepada "tauke" dadah serta merampas semua harta yang mereka perolehi secara haram.

"Kerana itu Parlimen Malaysia sedang membahaskan satu undang-undang yang akan membolehkan semua harta dan kekayaan yang diperolehi melalui kegiatan pedaran dadah dirampas.

"Pengalaman juga mengajar kita bahawa usaha membanteras dadah mesti dilaksanakan secara bersepadu dan tersusun dengan kerjasama erat pemimpin politik, pentadbir kerajaan dan sistem kehakiman." katanva.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan kempen memerangi dadah memerlukan kerjasama semua negara di dunia kerana kerjasama yang tidak menyeluruh akan membolehkan "tauke" dadah mencari perlindungan di negara lain.

Oleh itu, beliau mencadangkan supaya kerjasama antara negara bersempadan dalam membanteras pedaran dadah meliputi kegiatan memburu pengedar.

"Selaras dengan garis panduan menyeluruh ICDAIT, Malaysia berpendapat usaha mengawal penyalahgunaan dadah mesti merangkumi semua aspek membanteras, pemulihan, penguatkuasaan undang-undang, pembangunan manusia, kerjasama serta penyelarasan di semua peringkat di dunia.

"Oleh kerana pengeluaran dadah tidak boleh dihapuskan melalui penguatkuasaan sahaja, keutamaan mesti diberi kepada usaha pemulihan penagih dan membanteras di peringkat awal," katanya.

Persidangan tiga hari tajaan bersama Biro Asia Timur dan Pasifik dan Biro Antarabangsa Mengenai Hal-Ehwal Dadah di Jabatan Negara Amerika Syarikat itu dihadiri oleh 70 pegawai penguatkuasa dadah negara itu di 13 negara Asia.